

ARAHAN PEJABAT TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL. 7/1976

TINDAKAN MENGAMBIL BALIK TANAH
DI BAWAH AKTA PENGAMBILAN BALIK TANAH
TAHUN 1960 YANG TELAH DIPINDA OLEH AKTA A336/76

Adalah saya dengan segala hormatnya memaklumkan bahawa terbit daripada kerumitan yang timbul dari pindaan Akta Pengambilan Balik Tanah Tahun 1960 bagaimana Akta A336, M.M.K yang bersidang pada 12.6.1976 selepas menimbang Kertas M.M.K Bil:10/365/76 (9) telah membuat keputusan, diantara lain-lain, menangguhkan dahulu pertimbangan ke atas semua permohonan-permohonan pengambilan balik tanah bagi maksud-maksud yang tertentu, kecuali pengambilan balik tanah-tanah yang tidak terlibat dengan penentuan kadar harga mengikut potentialitynya iaitu seperti tanah-tanah di kawasan-kawasan bendang bagi Rancangan Taliair dan lain-lainnya.

2. Permohonan-permohonan untuk mengambil balik tanah yang belum selesai lagi atau yang akan diterima dari semasa kesemasa bolehlah diproses dan disediakan Rabg Kertas M.M.K yang berkenaan ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian untuk dikaji satu persatu sebelum diangkat bagi timbangan M.M.K.

3. Mana-mana pengambilan baik tanah yang telahpun diluluskan oleh M.M.K dan Borang D nya telah disiarkan dalam Warta Kerajaan perbicaraannya bolehlah diteruskan dengan syarat PHT hendaklah membuat tinjauan terlebih dahulu, iaitu adakah gantirugi yang dicadangkan akan dibayar kelak boleh dipersetujui oleh tuan tanah yang berkenaan atau tidak. Jika tidak ada apa-apa kesulitan yang mungkin timbul terbit dari soal gantirugi itu maka perbicaraan di bawah Sek. 12 Akta Pengambilan Balik Tanah Tahun 1960 boleh diteruskan.

4. Arahan ini dikeluarkan dengan persetujuan M.M.K yang bersidang pada 14.8.1976, selepas menimbang Kertas Bil. 14/552/76(45).

(Mohd Tajol Aros b.Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian,
Kelantan.

Kepada:

Semua PHT. dan Penolong PHT, Kelantan

s.k.

Y.B. Dato Setiausaha Kerajaan Kelantan

Y.B. Dato Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

Juru Odit Negeri Kelantan.

Pengarah Ukur Negeri Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

Pengarah Penilai Negeri Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU.**

**SUK.KN. 259/64(24)
6hb.September, 1976.**